

## KOLEKSI MANUSKRIP TENGGU AMPUAN MARIAM DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU

Salmah Jan Noor Muhammad  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[salmahjan@upm.edu.my](mailto:salmahjan@upm.edu.my)

### ABSTRAK

Koleksi manuskrip Tengku Ampuan Mariam di Muzium Negeri Terengganu menampilkan nama Tengku Mariam sebagai seorang pujangga wanita istana yang masih kurang dikenali dan kurang mendapat perhatian daripada para sarjana walaupun baginda telah menghasilkan karya dari pelbagai genre. Sebahagian besar kajian mengenai Tengku Mariam lebih berfokus kepada seni tarian, khususnya sumbangan baginda dalam joget gamelan Pahang di Terengganu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan koleksi manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Ampuan Mariam di Muzium Negeri Terengganu supaya masyarakat dapat mengenali kandungan penulisan manuskrip Melayu dari perspektif seorang pujangga wanita istana. Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan dan analisis kandungan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti koleksi penulisan manuskrip Tengku Ampuan Mariam dan seterusnya menganalisis perbincangan koleksi tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa manuskrip-manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Mariam adalah bertematik yang merangkumi adat, budaya, sejarah, dan politik. Dengan adanya penyelidikan ini, diharapkan dapat memberikan pemahaman yang komprehensif serta menjadi sumber rujukan kepada masyarakat untuk mengenali dan memahami kandungan penulisan manuskrip Tengku Mariam.

**Kata Kunci:** Tengku Ampuan Mariam, Manuskrip Melayu, Pujangga Istana, Muzium Negeri Terengganu, Pahang, joget gamelan.

### 1. Pengenalan

Tengku Mariam Al-Marhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah (1882-1914) merupakan seorang pujangga wanita istana yang berkaliber dan prolific dalam penulisan pelbagai tema. Baginda telah menghasilkan karya yang merangkumi pelbagai genre termasuk *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*, *Syair Pelayaran ke Tanah Jawah*, *Syair Pelayaran ke Negeri Siam*, *Syair Pelayaran ke Medan*, *Deli dan Brastagi*, *Syair Ingatan Kahwin* (Jilid 1 & 2), *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan*, *Salasilah Sultan Omar*, serta beberapa syair lain seperti *Syair Syair Tengku Ampuan Mariam dan Joget Pahang dan Gamelan*. Di samping itu, Tengku Mariam juga menyumbangkan kemahirannya dalam menyalin manuskrip termasuk *Hikayat Usul Majlis Perdana Alam* dan *Hikayat Isma Yatim*.

Menurut Mohd. Yusof Abdullah (2001), terdapat sebanyak 40 manuskrip yang dimiliki oleh Tengku Mariam yang kini berada dalam simpanan Muzium Negeri Terengganu. Koleksi manuskrip ini terdiri daripada karya asli serta salinan hasil tulisan Tengku Mariam. Perkahwinan baginda dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942), Sultan Terengganu ke-13 pada 21 Julai 1913, menyebabkan baginda menetap di istana Terengganu. Namun, hal ini tidak mengurangkan identiti baginda sebagai seorang pujangga yang berasal dari istana Pahang. Walaupun nama Tengku Mariam sebagai pujangga wanita dari istana Pahang kurang dikenali dan jarang mendapat perhatian daripada sarjana, tetapi sumbangannya dalam bidang penulisan dan seni adalah sangat signifikan. Penulisan tentang Tengku Ampuan Mariam masih terhad. Sebagai contoh, kajian oleh Mardiana Nordin dan Muhamad Safwan Mohd. A'Seri (2014) menumpukan kepada aspek pensejarahan karya baginda, sementara kajian lain seperti oleh Ahmad Omar Ibrahim (2005), Muhammad Fazli Taib Saearani dan Agus Cahyono (2016), serta Marion D'Cruz (2020) lebih berfokus kepada sumbangan Tengku Ampuan Mariam dalam dunia joget gamelan dan seni.

Tengku Mariam terkenal dalam kalangan golongan istana kerana memperkenalkan dan mewariskan joget gamelan Pahang di Terengganu. Pada dasarnya, banyak penulisan sarjana membahas jasa Tengku Ampuan Mariam dalam seni budaya. Oleh itu, kajian terhadap karya-karya penulisan Tengku Ampuan Mariam hendaklah diperkasa untuk menambah pemahaman terhadap sumbangan baginda dan menelusuri pelbagai bidang yang belum diterokai. Langkah ini akan membolehkan khalayak mendapat manfaat daripada penemuan-penemuan baharu serta menyelongkar kewibawaan intelektual pujangga wanita istana. Jelaslah, Tengku Ampuan Mariam tidak hanya memainkan peranan penting dalam seni tetapi juga sebagai perintis intelektual yang mengangkat martabat wanita dalam istana.

## 2. Objektif Kajian

Dalam penulisan ini, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti koleksi manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Ampuan Mariam di Muzium Negeri Terengganu dan menganalisis kandungan penulisan manuskrip Melayu dari perspektif seorang pujangga wanita istana.

## 3. Sorotan Kajian

Tengku Mariam Almarhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap bidang seni dan budaya negeri Pahang dan Terengganu. Usaha baginda dalam memperkenalkan joget gamelan Pahang dan mewariskannya ke negeri Terengganu telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada perkembangan seni dan kebudayaan. Perkahwinan Tengku Mariam dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942), Sultan Terengganu ke-13, memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kedudukan gamelan di Terengganu. Kajian terdahulu mengiktiraf peranan penting Tengku Mariam dalam mengembangkan dunia gamelan Pahang.

Penemuan oleh Nur Zuraidah Mohamad (2012) dan Muhammad Fazli Taib Saearani (2016) menunjukkan bahawa perkembangan gamelan di Terengganu sangatlah bergantung kepada usaha Tengku Ampuan Mariam. Setelah perkahwinan, baginda membawa seni budaya Pahang ke Terengganu dan melatih pemuda dan pemudi di sana untuk menguasai alat muzik gamelan. Tengku Mariam juga menubuhkan sebuah kumpulan joget gamelan yang dinamakan "Budak Joget" untuk memastikan kelangsungan warisan gamelan Pahang di Terengganu. Tambahan pula, kajian yang dikendalikan oleh Marion D'Cruz (2020) mendedahkan bahawa tarian gamelan pada abad ke-18 merupakan tarian klasik golongan istana. Menurut Marion D'Cruz, tarian gamelan di Terengganu berasal dari Pahang dan diperkukuhkan oleh Tengku Ampuan Mariam. Penelitiannya juga menyoroti aksesori yang digunakan serta gerak tari gamelan yang dipersembahkan di istana. Corak dan perwatakan tarian gamelan Tengku Ampuan Mariam didapati unik berbanding dengan tarian gamelan di Kepulauan Riau atau Jawa.

Sumbangan Tengku Mariam tidak terhad kepada bidang tarian gamelan sahaja. Baginda juga merupakan penulis yang prolifik yang menghasilkan banyak manuskrip Melayu yang bernilai. Antara karya baginda termasuk *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*, *Syair Pelayaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ke Jawa, Siam dan Medan*, *Syair Ingatan Kahwin* (Jilid 1 & 2), *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan*, dan *Salasilah Sultan Omar*. Ini membuktikan bahawa Tengku Mariam bukan sahaja memperkembangkan seni gamelan tetapi juga memberikan sumbangan intelektual sebagai pujangga wanita istana. Penelitian terdahulu, seperti kajian oleh Mardiana Nordin dan Muhamad Safwan Mohd. A'Seri (2014), menunjukkan bahawa Tengku Mariam memiliki gaya penulisan yang unik. Baginda menjadikan penulisannya seakan-akan catatan harian atau diari untuk mencatat perjalanan pasangan diraja dan menggunakannya sebagai elemen utama dalam membentuk

plot cerita. Ciri-ciri khas dalam penulisan Tengku Mariam juga merangkumi pemetaan yang berhubungan dengan waktu atau urutan peristiwa. Berdasarkan keunikan dalam penulisannya, kajian lanjutan sangat disarankan untuk mengungkap lebih banyak wawasan dari manuskrip-manuskripnya.

Meskipun Tengku Mariam telah menghasilkan karya-karya penting, kajian terhadap penulisannya masih belum mendapat perhatian yang mencukupi dari kalangan sarjana. Setakat ini, Mardiana Nordin dan Muhamad Safwan Mohd. A'Seri (2014) merupakan antara peneliti yang memfokuskan kepada penulisan manuskrip oleh Tengku Ampuan Mariam. Oleh sebab itu, penting untuk memperluas kajian terhadap elemen-elemen kepengarangan baginda seperti falsafah, pemikiran, serta elemen bahasa, sastera, seni, dan budaya yang terkandung dalam karyanya.

Selain meliputi sejarah, autobiografi, dan catatan pengembaraan (travelog), tulisan Tengku Ampuan Mariam membuktikan keberadaan keintelektualan sebagai seorang pujangga wanita istana dari Pahang. Justeru itu, kajian yang lebih mendalam terhadap sumbangan baginda sebagai pujangga wanita istana dalam penulisan manuskrip Melayu sangat diperlukan, terutamanya dalam melihat sumbangan baginda terhadap pembangunan minda dan sahsiah masyarakat. Adalah wajar juga untuk meneliti bagaimana penulisannya dapat memberi inspirasi serta menjadi rujukan dalam kontekstualisasi seni dan budaya Melayu yang lebih luas.

#### **4. Kaedah Kajian**

Dalam kajian ini, kaedah kepustakaan digunakan sebagai pendekatan utama. Fokus pembacaan diarahkan kepada sumber-sumber ilmiah seperti jurnal, tesis, dan sumber dalam talian untuk menyelidik kajian terdahulu serta mengenal pasti permasalahan kajian yang relevan. Terdapat empat langkah utama dalam tatacara kajian ini, iaitu pemilihan data, pengumpulan data, analisis data, dan rumusan data.

Pada peringkat pemilihan data, perhatian diberikan pada bahan-bahan yang berkenaan dengan topik kajian. Penyelidik menggali sumber-sumber ilmiah yang mampu memberikan informasi yang mendalam tentang subjek, dalam hal ini karya-karya Tengku Ampuan Mariam. Proses pengumpulan data adalah melibatkan pencarian dan pemilihan bahan rujukan yang sesuai dengan objektif kajian. Setiap maklumat relevan yang ditemukan akan dinilai dan dicatat untuk analisis terperinci. Manakala pada peringkat analisis data, informasi yang telah dikumpulkan dipecahkan dan dianalisis secara mendalam. Dalam kajian ini, kaedah analisis kandungan yang digunakan adalah analisis tematik. Analisis tematik merupakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti tema-tema utama dalam teks.

Pendekatan analisis tematik dalam penulisan ini membantu dalam mengidentifikasi dan membahas tema-tema penulisan karya Tengku Ampuan Mariam yang tersimpan dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu. Melalui analisis tematik, pembaca dapat menghayati motif, narasi, dan konteks yang mewarnai karya Tengku Ampuan Mariam. Selain itu, analisis ini memberikan kerangka untuk memahami pengaruh budaya dan sejarah yang diungkapkan dalam tulisan baginda.

Kesimpulannya, kaedah kajian ini tidak hanya memberikan penjelasan tentang karya Tengku Ampuan Mariam tetapi juga memperlihatkan sumbangan baginda dalam konteks yang lebih luas. Dengan mengaplikasikan pelbagai pendekatan analitik, kajian ini berusaha untuk memberikan gambaran yang komprehensif dan bermakna tentang warisan intelektual dan budaya yang ditinggalkan oleh Tengku Ampuan Mariam.


## 5. Analisis Dan Perbincangan

### 5.1 Congkak: Warisan Permainan Tradisional Melayu Dalam Konteks Budaya

Congkak adalah salah satu permainan tradisional yang terkenal di Malaysia. Berdasarkan kajian sejarah, permainan ini dibawa masuk ke Asia Tenggara pada kurun ke-15 melalui perdagangan (Siti Hajar, 2018). Di Indonesia, congkak dikenali sebagai congklak atau dakon (Indra Lacksana, 2017). Permainan congkak boleh dimainkan pada waktu senggang atau dijadikan sebagai aktiviti pertandingan. Alat permainan ini terdiri daripada papan kayu berlubang atau lubang-lubang yang dibuat di atas tanah, manakala buah congkak yang digunakan biasanya adalah biji getah atau guli. Menurut Noraziah Chepa dan Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2017), setiap pemain akan mempunyai tujuh lubang berturut-turut dengan sebuah lubang besar yang dipanggil "rumah" di sebelah kiri masing-masing. Setiap lubang akan berisi tujuh buah biji yang sering kali berupa batu kerikil, biji asam jawa, atau cangkerang.

Seiring dengan perkembangan zaman, permainan congkak yang pada asalnya dimainkan menggunakan lubang di tanah dimulai menggunakan papan kayu yang meniru lubang-lubang tersebut. Dheka D. A. Rusmana (2010) menyatakan bahawa papan congkak mengandungi 2x7 cekungan dan 2 cekungan indung yang dilengkapi dengan kuwuk atau kerikil kecil. Setiap cekungan (kecuali indung) perlu diisi dengan 7 buah butir, menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 98 butir. Permainan congkak memerlukan strategi kerana melibatkan pengiraan, dan pemain yang mengumpul biji getah atau guli terbanyak akan memenangi permainan tersebut.

Penulisan manuskrip Tengku Ampuan Mariam yang terdapat dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu mengenai permainan congkak dikenali melalui manuskrip bertajuk: *Buku Tulisan Tangan Main Congkak* dengan nombor panggilan LMN.TR 1985.17. Manuskrip ini ditulis dalam tulisan Jawi dan mempunyai 20 baris, dengan setiap baris mengandungi 4 hingga 13 patah perkataan. Tulisannya menggunakan pensel dan mudah dibaca.



Gambar 1:

LMN.TR 1985.17. Buku Tulisan Tangan Main Congkak  
Sumber: Muzium Negeri Terengganu

Gambar 1 ini diambil oleh pengkaji semasa menjalankan kajian di Muzium Negeri Terengganu pada bulan Februari 2024. Dalam karya Tengku Ampuan Mariam ini, baginda memberikan panduan

tentang cara bermain congkak dengan betul. Misalnya, baginda menjelaskan persiapan awal yang diperlukan seperti menyediakan papan congkak yang mempunyai dua baris lubang dan sebuah lubang besar di setiap hujung papan yang dipanggil sebagai “rumah”. Setiap lubang diisi dengan tujuh biji kecuali lubang “rumah” yang dibiarkan kosong. Pemain kemudian memulakan permainan secara bergilir-gilir, memindahkan biji dari satu lubang ke lubang lain secara berlawanan arah pusingan jam termasuk ke dalam rumah lawan sekiranya melalui lubang tersebut. Jika biji terakhir jatuh ke dalam rumah pemain sendiri, pemain tersebut mendapat giliran tambahan. Permainan berakhir apabila salah satu pemain kehabisan biji di bahagian barisnya, dan biji selebihnya dikumpulkan oleh pemain yang masih memiliki biji dalam barisnya. Pemenang ditentukan berdasarkan jumlah biji terbanyak di dalam rumahnya.

Dari penulisan ini, pembaca dapat memahami bahawa di sebalik setiap gerakan biji congkak, terdapat usaha untuk membina hubungan yang utuh antara individu dan masyarakat. Dalam permainan ini, pemain tidak hanya menyusun strategi untuk mencapai kemenangan tetapi juga meneruskan tradisi budaya yang dipegang dari satu generasi ke generasi berikutnya. Bermain congkak memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar mengira, mengembangkan keterampilan dalam menghitung, berstrategi, dan ketekunan. Anak-anak belajar berfikir secara kritis dan membuat keputusan dengan cepat. Menurut Azharudin Ramli (2022), aktiviti permainan congkak dapat menampilkan elemen didik hibur yang menyeronokkan dan dapat menarik minat golongan muda terhadap permainan tradisional ini.


Permainan congkak juga mengajar nilai-nilai kerjasama dan toleransi, menghormati pihak lawan, menghargai kejayaan, dan menerima kekalahan dengan berlapang dada. Selain itu, bermain congkak memberikan kesejahteraan mental dengan mengurangkan tekanan dan menjadikan pemain lebih tenang serta bersemangat. Oleh itu, bermain congkak bukan sahaja satu aktiviti beriadah tetapi juga membantu mempereratkan hubungan sosial dan memperkukuhkan identiti komuniti yang mewarisinya.

## 5.2 Catatan Lawatan Diraja Sebagai Rekod Sejarah

Tengku Ampuan Mariam juga memberikan sumbangan penting dalam sejarah dan politik Pahang melalui peranannya dalam mengembalikan hubungan diplomatik dengan Terengganu. Perkahwinannya dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah memperkukuhkan hubungan antara dua negeri tersebut yang sebelum ini keruh akibat penceraian Tengku Long, kakak Tengku Mariam, dengan Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1895 (Jelani Harun, 2015). Hubungan diplomatik ini penting untuk mengukuhkan aspek politik, ekonomi, dan sosial, serta menjaga kebajikan rakyat (Mohd Jamil Mukmin, 2011).

Sebagai seorang yang mengambil berat tentang kesejahteraan hubungan tersebut, Tengku Mariam menulis catatan tentang pengembaraannya bersama suaminya. Karya Tengku Ampuan Mariam yang bertemakan sejarah dikenali melalui manuskrip bertajuk *Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan* dengan kod panggilan LMN. TR. 1985.8. Manuskrip ini ditulis dalam tulisan Jawi tangan dalam sebuah buku latihan bergaris 20 baris. Pada bahagian kulit buku, tercatat tajuk *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan* di bahagian atas dan *Macam-macam Ingatan dan Lawatan* di bahagian bawah, merangkumi lawatan ke Tanah Jawa, Bangkok, Medan, dan Brastagi.





Gambar 2: Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan, LMN. TR. 1985.8.  
Sumber: Muzium Negeri Terengganu

Manuskrip ini mempunyai keunikan dalam dokumentasi setiap tarikh dan peristiwa. Tengku Ampuan Mariam mencatatkan urutan peristiwa secara kronologi dengan beberapa pengecualian di mana tarikh tidak mengikut susunan logik. Misalnya, catatan Tengku Ampuan Mariam merangkumi peristiwa seperti malam Isnin 4 Jamadilakhir 1313 (hari keputeraan Sulaiman Sultan), perkahwinannya di Pahang pada 14 Syaaban 1331, dan kemahkotaannya pada 2 Ramadhan 1338. Selain susunan tarikh, manuskrip ini juga merekodkan petikan ucapan teks yang disampaikan dalam majlis jamuan teh yang diadakan di Istana Maziah pada tahun 1939. Ucapan tersebut sebagai tanda penghargaan kepada Kapten Peter Murgenson yang menerima anugerah dari Sultan dengan gelaran Orang Kaya Wira Bakti.

Antara isi kandungan teks tersebut ialah:

(1) Yang berhormat Tuan British Adviser, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Mulia Tengku-Tengku, Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan Pegawai Putih, Mam-mam dan tuan-tuan sekalian. Saya melafazkan ucapan ini ialah sebagai menyampaikan titah Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Terengganu.

Adapun majlis jamuan yang diadakan ini ialah limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia bagi memberi selamat kepada Yang Berbahagia Kapten kerana Peter Murgenson yang telah menerima anugerah Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan gelaran Orang Kaya Wira Bakti. Maka atas jasa-jasa Yang Berbahagia ini di dalam jawatan memang telah maklum. Maka saya sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia ini dengan perasaan penuh kesukaan menyampaikan ucapan selamat ini kepada Yang Berbahagia Kapten Orang Kaya Wira Bakti.


Dibaca oleh Abdul Ghani bin Ishak.

Di samping itu, Tengku Mariam mencatatkan perbelanjaan yang terlibat dalam pembinaan Sekolah Tengku Ampuan Mariam, memberikan gambaran jelas tentang biaya yang digunakan dan sokongan yang diterimanya. Buktinya seperti petikan di bawah:

Ingatan membuat sekolah perempuan. Dinamakan Sekolah Tengku Ampuan Mariam.  
Wang yang diserahkan Datuk Andika, Datuk Luar.

Julai 1933, serahan yang pertama \$2000/=  
Ogos hingga Disember, sebulan \$300/= \$1500/=  
Januari 1934 hingga Julai sebulan \$300/= \$2100/=  
Tambahkan lagi kepada Datuk Luar, Datuk Andika \$ 400/=  
Jumlah \$6000/=

(Halaman 19)



Gambar 3: LMN. TR. 1985.8  
Halaman Ingatan membuat sekolah perempuan  
Sumber: Muzium Negeri Terengganu

Catatan peristiwa dan tarikh ini memainkan peranan penting dalam memberikan wawasan tentang konteks sejarah dan politik masa lalu. Catatan ini membantu mengabadikan sejarah dan memberikan panduan yang jelas bagi generasi akan datang dan menjadi rujukan penting untuk pembaca dan penyelidik dalam memahami topik yang dibincangkan. Dengan adanya catatan berkenaan tarikh, manuskrip ini memberikan konteks yang jelas dan membantu pembaca memahami urutan peristiwa dan hubungan sebab-akibat.

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti koleksi penulisan manuskrip Tengku Ampuan Mariam dan menganalisis perbincangan dalam koleksi tersebut adalah selaras dengan pentingnya pendokumentasian sejarah. Penulisan Tengku Mariam bukan sahaja memperkayakan karya dengan perbincangan sejarah tetapi juga memberikan penjelasan yang mendalam pada pembaca. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyoroti sumbangan Tengku Mariam dalam mengukuhkan hubungan diplomatik dan mempertahankan warisan budaya. Secara keseluruhan, kajian ini menggariskan sumbangan Tengku Mariam dalam pelbagai aspek termasuk budaya dan politik, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan wanita dalam sejarah dan budaya Melayu.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dengan jelas menegaskan bahawa Tengku Ampuan Mariam memiliki sumbangan yang sangat penting dalam bidang kebudayaan, sejarah, dan politik, terutama di wilayah

Pahang dan Terengganu. Baginda tidak hanya memperkenalkan joget gamelan Pahang dan panduan bermain congkak ke Terengganu, tetapi juga berperanan dalam mempererat hubungan diplomatik antara kedua-dua negeri menerusi perkahwinan diplomasi. Catatan peristiwa dan tarikh yang diketengahkan dalam karya-karya baginda bukan sahaja memperkaya maklumat sejarah tetapi juga memberi konteks yang jelas bagi pembaca untuk memahami perkembangan politik antara kedua-dua wilayah. Baginda turut menonjolkan pembangunan institusi pendidikan perempuan dengan memberikan sumbangan kewangan kepada pembinaan Sekolah Tengku Ampuan Mariam.

Selain itu, pengaruh Tengku Ampuan Mariam dalam pendidikan, pemeliharaan warisan budaya, dan seni penulisan manuskrip menunjukkan kesan positif yang berkekalan. Walaupun baginda telah lama tiada, tetapi kehadiran baginda tetap memberi inspirasi kepada generasi masa kini dan akan datang untuk menghargai dan meneruskan warisan intelektual serta budaya. Dengan kajian lanjut dan penghargaan yang seterusnya terhadap kehidupan dan sumbangan Tengku Ampuan Mariam akan dapat memperkukuhkan lagi pengenalan terhadap kepentingan sumbangan baginda dalam memelihara dan meneruskan warisan kebudayaan, sejarah, dan aspek politik.

## 7. Penghargaan

Projek ini dibiayai oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM (Geran Mikro 2023, Kod Penyelidikan: 6310100 - 11201) yang bertajuk "Kepengarangan dan Sumbangan Tengku Mariam Almarhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah Sebagai Pujangga Wanita Istana Pahang dalam Penulisan Manuskrip Melayu).

## 8. Rujukan

- Azharudin Ramli. 2022. *Mari Bermain Congkak : Suatu Aktiviti Didik Hibur Di Arja Art Academy*. Disertasi. Tanjong Malim: Fakulti Muzik dan Seni Persembahan.
- Dheka D. A. 2010. Permainan Congkak: Nilai dan Potensinya bagi Perkembangan Kognitif Anak. *Patanjala*, 2 (3): 537 – 549.
- Indra Lacksana. 2017. Kearifan Lokal Permainan Congklak sebagai Penguatan Karakter Peserta Didik melalui Layanan Bimbingan Konseling di Sekolah. *Satya Widya*, Vol. 33 (2): 109-116.
- Jelani Harun. 2001. *Manuskrip Negeri Pahang : Membicarakan Tokoh Pengarang & Penyalin. Seminar Persuratan Pahang: Menjejak Warisan Pahang, 27-28 Oktober at Auditorium Taman Budaya, Kuantan, Pahang.*
- Jelani Harun. 2015. Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2) : 3 – 15.
- Marion D’Cruz. 2020. The Royal Dance of the Pahang and Terengganu Courts. *In Sharing Identities: Celebrating Dance in Malaysia*, ed. Mohd Anis Md Nor and Stephanie Burridge, 1-23. London: Routledge India.
- Mohd Jamil Mukmin. 2011. Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2: 71-90.
- Mohd. Yusof Abdullah. 2001. *Naskhah-Naskhah Kesultanan Melayu di Muzium Negeri Terengganu*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu, 2-5 Julai 2001, Hotel Quality, Kuala Lumpur.
- Muhammad Fazli Taib Saearani and Agus Cahyono. 2016. The Inheritance of Malay Palace Dance in Malaysia and Yogyakarta Classical Dance in Indonesia. *HARMONIA : Journal of Arts Research and Education*, 16 (1): 75-86.



- Noraziah Chepa and Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya 2017. Reality And Challenges Of Malaysian Digital Traditional Games. *Journal of Engineering Science and Technology Special Issue on ISSC'2016*, 209 - 218.
- Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd. Zariat Abdul Rani and Salmah Jan Noor Muhammad. 2021. Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 29 (2): 1449 - 1468.
- Nur Zuraidah Mohamad. 2012. *Joget Gamelan Terengganu dari Aspek Penceritaan dan Cabaran Pemeliharaannya* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak). <https://ir.unimas.my/20248/1/Joget%20Gamelan%20Terengganu%20dari%20aspek%20penceritaan...%2824%20pages%29.pdf>.
- Siti Hajar, Maizan. 2018. Congkak Variations through Design Transformation. *Idealogy Journal*, 3 (3):114-126.